

NGO minta NAM tolak perang selesai isu Iraq

UM 19 FEB 2003

PETALING JAYA 18 Feb. — Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang bermula Khamis ini perlu menolak peperangan sebagai penyelesaian menangani krisis Iraq.

Permintaan itu disuarakan oleh lima pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk yang mewakili pertubuhan keagamaan dari rantau Asia Pasifik.

Kelima-lima NGO itu ialah Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST) yang berpusat di sini, Pergerakan Kristian Antarabangsa (Melbourne), Rangkaian Perhubungan Buddha Antarabangsa (Bangkok), Kumpulan Muhammadiyah (Jakarta) dan Majlis Arya Samaj Dunia (New Delhi).

Semua NGO itu juga meminta NAM merangka bantuan ke arah keamanan rantau dan dunia.

Presiden JUST, Dr. Chandra Muzaffar berkata, sidang kemuncak NAM kali ini bertepatan dengan masanya ketika bantahan terhadap cadangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya untuk menyerang Iraq serta mewujudkan keamanan di Timur Tengah.



Kuala Lumpur
20-25 Februari 2003

Meneruskan Penyuburan
Semula Pergerakan
Negara-Negara Berkecuali

“Masanya telah tiba bagi NAM menilai semula perannya dengan maksud dan cara baru,” katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Menurutnya, kenyataan membantah cadangan AS menyerang Iraq itu dan menggesa NAM mengambil pendirian tegas turut dikeluarkan di Melbourne, Bangkok, Jakarta dan New Delhi.

Kenyataan itu juga, kata beliau, telah diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku bakal Pengerusi NAM.

Chandra berkata, mencari kaedah penyelesaian kepada konflik rantau itu dan

bukan melalui peperangan sepatutnya menjadi keutamaan masyarakat antarabangsa dan kuasa-kuasa besar dunia.

Sedangkan, katanya, AS dengan disokong oleh Israel, Britain dan Australia begitu beriya-ya mahu melancarkan peperangan ke atas Iraq atas alasan negara itu memiliki senjata pemusnah.

“Hanya alasan bagi membolehkan Washington dan sekutunya membentuk kuasa politik dan ekonomi di Timur Tengah demi kepentingan mereka,” katanya.

Dengan kata lain, tambahnya, negara-negara itu mahu menguasai minyak Iraq dan negara Arab lain, mengukuhkan kedudukan Israel serta membolehkan AS membentuk kuasa hegemoni di rantau itu dan seluruh dunia.

Namun, usaha Washington membentuk kuasa hegemoni dan mengukuhkan Israel tidak akan membawa keamanan di Timur Tengah, sebaliknya hanya akan memburukkan keadaan dalam usaha mewujudkan keamanan di Palestin, katanya.

Pasukan pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB) dalam laporannya Majlis Keselamatan pada Jumaat lepas menyebut mengenai kerjasama menggalakkan daripada Kerajaan Iraq kepada siasatan pasukan itu.

Sementara itu Naib Presiden JUST, Datuk Dr. Ronald McCoy menyuarakan kebimbangannya bahawa AS akan menggunakan senjata nuklear sekiranya peperangan tercetus di Iraq.

Beliau yang juga Presiden Pakar Fizik Antarabangsa bagi Membanteras Peperangan Nuklear, berkata, sikap Setiausaha Pertahanan AS, Donald Rumsfeld menimbulkan pelbagai persoalan mengenai kemungkinan AS akan menggunakan senjata nuklear.

Menurutnya, Rumsfeld baru-baru ini enggan berterang ketika ditanya wartawan sama ada senjata nuklear akan digunakan dalam serangan terhadap Iraq.

“Nuklear biasanya digunakan sebagai pilihan terakhir, tetapi kita khawatir AS memilih nuklear sebagai pilihan pertama dalam serangan terhadap Iraq,” katanya.